

## Siasatan ke atas syarikat Deng Seng siap seminggu lagi

UM 20 FEB 2003  
KUANTAN 19 Feb. — Siasatan terhadap kes pelanggaran peraturan penggunaan tanah oleh Syarikat Deng Seng Enterprise Sdn. Bhd. di Cameron Highlands dijangka selesai dalam tempoh seminggu lagi.

Ketua Polis Pahang, Datuk Mat Drus Sudin berkata, pada masa ini siasatan kes berkenaan masih berjalan.

“Polis menjangkakan siasatan dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu lagi dan selepas itu kertas siasatan akan diserahkan kepada pihak-pihak berkaitan sebelum tindakan selanjutnya diambil,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis lawatan perpisahan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang di sini hari ini.

Kes di Cameron Highlands itu sebelum ini telah menarik perhatian pelbagai pihak termasuk Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pihak terbabit melahirkan rasa kesal mereka terhadap sikap pengurusan syarikat terbabit yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sehingga boleh menjejaskan alam sekitar.

Syarikat Deng Seng yang menjalankan projek tanaman tomato di Blue Valley, Cameron Highlands pada mulanya diarahkan memberhentikan kerja-kerja mereka selepas didapati menggunakan jentera berantai yang bertentangan dengan syarat yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah Daerah Cameron Highlands.